

Inovasi UMP Hasilkan Kit Anti-Histeria



Putrajaya, 30 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan sebuah universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi terus memberi ruang kepada pensyarah dan penyelidiknya untuk berkarya dan menjalankan kajian ilmiah yang mampu memberi impak yang tinggi kepada universiti yang boleh dimanfaatkan masyarakat.

Kit anti-histeria yang dilancarkan pada hari ini merupakan sebuah produk yang dihasilkan berdasarkan kajian mengenai histeria dan kerasukan yang dijalankan penyelidik UMP diketuai oleh Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan.

Kajian yang dibiayai geran penyelidikan universiti dan geran pra-pengkomersialan ini berjaya menghasilkan inovasi Kit Anti-Histeria yang boleh digunakan oleh masyarakat umum. Ianya merupakan pengembangan kepada kaedah mengatasi rasukan dan histeria yang telah digunakan oleh Pusat Rawatan Al-Manarah. Teknik rawatan menggunakan bahan dan kaedah yang digunakan lebih bersifat ketara (tangible) iaitu seperti penggunaan asid formik dan pepper spray yang boleh ditampilkan kepada umum dalam bentuk produk yang lebih moden dan mesra pengguna.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan komprehensif berdasarkan disiplin dan kaedah ilmiah malahan setiap hasil penyelidikan perlu bersifat ketara (tangible) dan berdasarkan bukti (evidence based). Katanya, Kit Anti-Histeria ini dibangunkan sebagai satu produk yang mempunyai potensi besar untuk dipasarkan memandangkan statusnya yang patuh syariah serta bebas dari sebarang perkara yang berbentuk metafizik, tahuyl atau khurafat yang menyesatkan.



"Pihak pengurusan UMP menaruh keyakinan bahawa dengan kepakaran barisan penyelidik kami serta sokongan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat. Persoalan di sebalik masalah hysteria dan kerasukan perlu juga diteroka secara ilmiah untuk dicari penyelesaiannya. Masyarakat perlu diberikan pencerahan yang berdasarkan ilmu yang benar bagi menangani kes-kes berkaitan hysteria dan kerasukan yang dilaporkan media sering berlaku di institusi-institusi pendidikan," katanya.

Beliau berkata, selain mendatangkan kegusaran dalam kalangan anggota masyarakat kejadian yang berlaku ini turut memberi kesan kepada aspek emosi, hubungan sosial, produktiviti, pencapaian akademik pesakit yang kadangkala turut melibatkan isu akidah dan syariah.

Berdasarkan pencapaian ini dan juga kajian mengenai undang- undang sihir yang turut diterajui oleh Dr. Mahyuddin Ismail ini, UMP turut menimbangkan kemungkinan untuk menujuhkan sebuah Makmal Perubatan Islam bagi tujuan pengembangan kajian ilmiah dan saintifik dalam bidang tersebut.

Majlis Perasmian Seminar Menangani Histeria Semudah ABC dan Pelancaran Kit Anti Histeria dihadiri Pengarah Education Malaysia, Raihana Khudri yang membacakan teks perasmian Ketua Pengarah Pengajaran Tinggi, Jabatan Pengajaran Tinggi KPM, Profesor Dato' Dr. Asma Ismail yang berlangsung di Dewan Zaaba Kementerian Pendidikan Malaysia Putrajaya. Hadir sama Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Ketua Timbalan Pendaftar Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali.

Seramai 100 orang peserta dalam kalangan pensyarah, guru sekolah, kaunselor dan pegawai psikologi berpeluang berkongsi pengalaman menangani hysteria yang disampaikan Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia, Tuan Guru Hj. Jahid Sidek.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 06-05-2015, 16:13:13